

Headline	Go Kart rekaan pelajar IKBN Jitra		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Sep 2012	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	V6	ArticleSize	250 cm ²
AdValue	RM 8,431	PR Value	RM 25,294



Go-Kart rekaan pelajar IKBN Jitra

Selepas tiga bulan menjalani proses rekaan dan pembuatan, go-kart ciptaan lapan pelajar Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Jitra kini diuji di litar go-kart, Universiti Utara Malaysia, baru-baru ini.

Go-kart sepanjang 2,560 milimeter (mm), lebar 1,270mm, tinggi 1,220mm, wheel base 1,720mm dan berat 280 kilogram itu diharapkan mampu bersaing dengan pasukan lain apabila mewakili IKBN perlumbaan go-kart di peringkat kebangsaan.

Pegawai Latihan Vokasional IKBN Jitra, Muhamad Razi Samsudin, 27, berkata proses melakar, merangka dan membuat go-kart itu mendapat sokongan Pengarah, Zahrin Romli, guru dan pelajar IKBN sebelum berjaya menghasilkan go-kart rekaan sendiri buat

julung kalinya.

“Diharap ia akan menunjukkan prestasi memberangsangkan apabila berlumbaan buat pertama kali pada peringkat kebangsaan yang akan diadakan pada dalam masa terdekat ini.

“Sesi panduan ini penting untuk kami benar-benar menguji jentera



Headline	Go Kart rekaan pelajar IKBN Jitra		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Sep 2012	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Supplement	Color	Full Color
Page No	V6	ArticleSize	250 cm ²
AdValue	RM 8,431	PR Value	RM 25,294



Sebahagian pelajar IKBN yang menghasilkan Go-Kart, baru-baru ini.

ini dan memperbaikinya dari segi teknikal selain pelumba-nya dapat menyesuaikan diri dengan go-kart ini," katanya.

Kebanggaan pelajar

Beberapa pelajar yang ditemui melahirkan rasa

bangga kerana bukan saja dapat mempelajari ilmu permotoran, malah mampu menghasilkan go-kart rekaan sendiri.

Pelumba go-kart IKBN, Mohd Khomeni Salim, berkata sokongan dan kesung-

guhan rakan sepasukan serta tenaga pengajar memberi kelebihan dan semangat kepada mereka untuk menghasilkan rekaan itu seterusnya meletakkan nama IKBN Jitra pada peringkat kebangsaan.